

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS
DEWAN RAKYAT**

**PENGGULUNGAN PERBAHASAN RUU PERBEKALAN 2023 OLEH
YB MENTERI
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

8 MAC 2023

Tuan Yang di-Pertua,

Salam Malaysia MADANI.

1. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2023 peringkat dasar di dewan yang mulia ini dan menyentuh aspek-aspek berkaitan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Saya amat mengalu-alukan keprihatinan Yang Berhormat dan semua pandangan serta cadangan yang telah dikemukakan akan dipertimbangkan untuk disepadukan dalam pelaksanaan dasar-dasar nasional agar ekonomi negara kekal kompetitif dan progresif, selari dengan aspirasi Kerajaan Perpaduan.

2. **YB Larut** meminta supaya strategi kemasukan Pelaburan Langsung Asing (FDI) dikaji semula agar dapat menarik pelaburan

berkualiti yang dapat membantu rakyat. Strategi dan tawaran Malaysia hendaklah lebih baik dari negara-negara lain bagi mencapai hasrat ini.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sentiasa komited untuk memastikan Malaysia terus kekal sebagai destinasi pelaburan terpilih di rantau ini bagi pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung domestik (DDI).

4. Fokus ini adalah selari dengan matlamat Dasar Pelaburan Baharu Negara berteraskan Aspirasi Pelaburan Nasional (National Investment Aspirations - NIA) yang melibatkan lima (5) teras utama, iaitu, meningkatkan kompleksiti ekonomi; mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi; memperluaskan rangkaian domestik; membangunkan kluster baharu dan sedia ada; serta mempertingkatkan keterangkuman dalam mensasarkan pelaburan berkualiti tinggi berintensifkan modal dan teknologi.

5. Dasar Pelaburan Baharu ini juga memberi tumpuan kepada keterangkuman dan kemampanan yang selari dengan matlamat Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (*Environment, Social and Governance - ESG*). Pelaburan baharu berteraskan ESG ini akan mendorong pertumbuhan dalam sektor yang canggih dari segi teknologi, serta menjadikan syarikat lebih kompetitif dan berdaya saing di pasaran antarabangsa bagi memastikan produk yang dieksport patuh ESG.

6. Dari segi industri yang disasarkan pula, penekanan akan diberikan kepada pelaburan bagi sektor bidang pembangunan baharu (*New Growth Areas*) termasuk kenderaan elektrik, kilang pintar menggunakan teknologi 5G, ekonomi digital, teknologi hijau, pertanian pintar dan ekosistem rantai bekalan.

7. Berdasarkan situasi semasa ini dan kelebihan serta keunikan Malaysia dalam menarik pelaburan berkualiti, Kerajaan perlu memanfaatkan peluang-peluang yang wujud bagi meningkatkan ekonomi negara.

8. Melangkah ke hadapan, Kerajaan melalui MITI dan agensi akan terus meningkatkan usaha bagi menarik pelaburan berkualiti tinggi ke dalam negara sekaligus mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi. Pencapaian signifikan ini adalah hasil usaha kolektif oleh semua pihak berkepentingan dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi, kestabilan sosial, pembangunan bakat, ekonomi yang mampan, keterangkuman termasuk kemajuan ekonomi digital negara. Usaha ini adalah selaras dengan kerangka Malaysia MADANI yang mendorong pembangunan keupayaan yang lestari serta pemindahan teknologi dan daya cipta, melalui jalinan kerjasama luar dalam sektor berpotensi dan berkepentingan strategik, ke arah memacu ekonomi yang berasaskan kesejahteraan terangkum.

Tuan Yang di-Pertua,

9. **YB Port Dickson** dan **YB Tenggara** telah membangkitkan mengenai perancangan strategik kementerian untuk memperkasa taman-taman industri sedia ada.

10. MITI telah menerima peruntukan perbelanjaan pembangunan daripada Kementerian Ekonomi sebanyak RM10 juta bagi tahun 2023 untuk program Menaiktaraf Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian Sedia Ada.

11. Menaiktaraf infrastruktur di kawasan perindustrian adalah penting untuk penyelenggaraan kemudahan-kemudahan sedia ada bagi menarik pelabur dan meningkatkan daya saing negara.

12. MIDA telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan Program Menaiktaraf Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian Berintegrasi Sedia Ada bermula daripada Rancangan Malaysia Kesembilan sehingga Rancangan Malaysia Kedua Belas. Untuk tahun 2021 dan 2022, kerajaan menyediakan peruntukan bagi **Program Menaiktaraf Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian Berintegrasi Sedia Ada** berjumlah **RM81,643,103.35** di bawah RMKe-12 termasuk Kumpulan Wang Amanah Covid-19 (KWC-19).

13. Bagi memastikan infrastruktur di kawasan perindustrian sentiasa dalam keadaan baik dan terurus, beberapa langkah penambahbaikan yang telah dan akan dilaksanakan iaitu:

- a. menubuhkan operasi pengurusan kawasan perindustrian iaitu *Park Manager* atau Unit Penyelarasan Perindustrian di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi mengurus, menyelenggara serta mengadaptasikan elemen *Industry4WRD* seperti *cloud computing*, *remote monitoring* dan *predictive maintenance*;
- b. MITI dan MIDA telah membelanjakan sepenuhnya peruntukan sejumlah RM19 juta secara geran padanan (*matching grant*) bagi melaksanakan Program *High Speed Broadband* (HSBB) *Industry4WRD* yang bertujuan untuk menaik taraf infrastruktur ketersambungan internet (*internet connectivity*) dengan kelajuan *1 Gbps (Gigabit per second)* di 37 kawasan perindustrian di seluruh negara.
- c. menubuhkan satu (1) unit khas (*Industrial Estate Unit*) di bawah MIDA yang bekerjasama dengan semua pemilik taman perindustrian bagi memantau dan membangunkan taman perindustrian untuk menarik pelaburan berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua,

14. **YB Puncak Borneo** membangkitkan mengenai iklim pelaburan dan persekitaran perniagaan yang perlu diseragamkan untuk mempercepatkan kelulusan projek pelaburan berpotensi tinggi.

15. Jemaah Menteri pada 8 Mei 2019 telah bersetuju untuk memperkasakan Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan (NCI) sebagai Jawatankuasa yang meluluskan Lesen Pengilang dan/atau insentif, di mana MITI dan Kementerian Kewangan (MOF) sebagai pengerusi bersama. NCI yang diperkasakan telah berjaya mengurangkan karenah birokrasi selain turut mengatasi isu kekeliruan yang dihadapi oleh pelabur baharu dan sedia ada di samping mempercepatkan proses penilaian dan membuat keputusan.

16. Seajar dengan keputusan Kabinet pada 8 Mei 2019, MIDA telah diperkasakan sebagai sebuah agensi promosi pelaburan utama di Malaysia dan bertanggungjawab untuk bekerjasama dengan lain-lain *Investment Promotion Agencies* (IPA) di peringkat persekutuan, wilayah koridor ekonomi serta negeri dalam menarik dan mempercepatkan proses realisasi pelaburan.

17. Dalam merencanakan agenda berkaitan pelaburan sekaligus memastikan tadbir urus pelaburan negara diperkasakan, terdapat keperluan bagi penubuhan Majlis Pelaburan Negara (MPN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Penubuhan MPN ini adalah penting memandangkan ia amat bertepatan dalam usaha untuk

merencanakan agenda pelaburan mengikut kepentingan negara, terutamanya berkaitan dengan pelaburan strategik dengan komitmen di peringkat tertinggi negara. Mesyuarat pertama akan diadakan dalam masa terdekat.

18. Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama untuk mempromosikan semua negeri sebagai destinasi pelaburan. Strategi promosi pembangunan pelaburan yang dilaksanakan oleh MIDA adalah berdasarkan kepada kekuatan dan kesesuaian ekosistem sesebuah negeri dan pelaburan ke dalam setiap daerah adalah mengikut kekuatan ekonomi daerah masing-masing. Namun, harus dinyatakan bahawa pemilihan akhir kawasan pelaburan adalah tertakluk kepada keputusan pelabur itu sendiri.

Tuan Yang Di-Pertua,

19. Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, MITI akan menjayakan lebih banyak sesi dialog dan kolaborasi dengan semua pemegang taruh bagi menjamin kelestarian pembangunan industri demi kepentingan rakyat.

20. Akhir kalam, saya menyeru marilah kita semua bersama-sama berganding bahu untuk mengukuhkan daya saing dan kedudukan negara sebagai destinasi pelaburan dan perdagangan terpilih di rantau ini.

Sekian, terima kasih.